

11 FEB 1998

PRESIDEN YAMAN TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Presiden Yaman Lt-Jen Ali Abdallah Saleh tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi empat hari.

Beliau disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di lapangan terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Pemimpin Yaman itu, yang diiringi 69 anggota rombongan, akan diberikan sambutan rasmi di dataran Parlimen tengah hari ini.

Presiden Ali akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dua hala.

Malam ini, Presiden Ali akan menghadiri jamuan negara yang diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Republik Yaman terletak di barat daya Semenanjung Arab bersempadan dengan Arab Saudi di sebelah utara, Laut Merah di barat, Oman di timur dan Laut Arab di selatan.

Yaman adalah satu-satunya negara yang mengamalkan sistem demokrasi pelbagai parti di Semenanjung Arab. -- BERNAMA

MHI SJ NN AKD